

TARIKH	AHAD, 5 MEI 2024
AKHBAR	KOSMO
TAJUK ARTIKEL	PENGHARGAAN UNTUK PENJAWAT AWAM
M/S	4
BIDANG	CIVIL SERVICE
KATA KUNCI	CIVIL SERVICE

Kenaikan gaji sebagai ganjaran atas jasa, pengorbanan kepada negara

Penghargaan untuk penjawat awam


Oleh LUQMAN RIDHWAN
MOHD. NOR

IPOH - Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengingatkan masyarakat yang mempertikai keputusan kerajaan menaikkan gaji penjawat awam bahawa keamanan serta kestabilan dinikmati negara ketika ini disumbangkan oleh jasa pelbagai pihak seperti polis, tentera dan bomba.

Beliau berkata, kesemua pihak tersebut telah berkorban demi memastikan keamanan serta kestabilan negara itu dapat dikekalkan, seperti Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM) yang memainkan peranannya dalam pelbagai situasi.

Katanya, ia termasuklah menyelamatkan orang hanyut, cedera parah serta berhadapan dengan bencana alam seperti tanah runtuh.

Bagaimanapun, katanya, ada pihak tidak memahami hakikat tersebut kerana beranggapan ia merupakan suatu khidmat yang harus ada, namun tidak



ANWAR ketika menerima potret memori 1997 disampaikan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Nga Kor Ming pada Sambutan Hari Anggota Bomba Sedunia 2004 di Ipoh semalam.

mengambil kira mereka yang mikul tanggungjawab berkenaan.

"Tetapi siapa yang berkhidmat? Anak-anak kita? Keluarga kita? Mereka menjalani suatu

latihan dan latihan itu bukan perkara biasa, ia memerlukan pengorbanan.

"Ada yang terkorban nyawa, ada yang cedera parah tetapi ia

menjamin keadaan yang selesa bagi negara. Sebab itu bagi pihak kerajaan dan Malaysia seluruhnya, saya hadir untuk menyatukan penghargaan terima kasih

atas jasa dan khidmat saudara saudari yang dimulikan," katanya di sini semalam.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Sambutan Hari Anggota Bomba Sedunia 2024 (SHAB 2024) di Jalan Tambun, Sunway City di sini.

Pada majlis tersebut, Perdana Menteri menerima Hormat Perdana dan diberi penghormatan untuk memeriksa Perbarisan Kawalan Kehormatan Bomba yang terdiri daripada dua pegawai dan 99 anggota lain-lain pangkat.

Sambutan Hari Anggota Bomba Sedunia yang disambut pada 4 Mei setiap tahun merupakan satu acara penuh simbolik yang ditujukan khas bagi memperingati dan menghargai pengorbanan anggota bomba di seluruh dunia.

Pada majlis itu, Anwar dihadiahkan potret memori tahun 1997 yang mana beliau merupakan individu penting dalam menjayakan misi memadam kebakaran rentas sempadan yang mengambil masa selama 25 hari.

DISEDIAKAN
OLEH

PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM